



Ruj Kami: ANM/ POPA/ SPP/ 3/ 6 Jld 4 (45)
Tarikh : 08 September 2008

Semua Pegawai Pengawal

Y Bhg Tan Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan,

KOD PERAKAUNAN TAHUN KEWANGAN 2009

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Jabatan ini akan mengwujudkan dan mengemaskinikan kod perakaunan kementerian bagi tahun kewangan 2009. Kod perakaunan yang terlibat ialah Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos (PTJ/ PK), Kod Program/ Aktiviti (Prog/ Akt) dan Profil Kod Kementerian/ Jabatan.

2. Semua **pengwujudan** dan **pembatalan kod** ataupun **pindaan** ke atas **perihal** PTJ/ PK dan Prog/ Akt bagi kegunaan tahun kewangan 2009 hendaklah dikemukakan melalui borang berikut:

- a. Borang JAN/ MD 004A – Borang Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos
- b. Borang JAN/ MD 005A – Borang Kod Program/ Aktiviti

Kementerian **tidak** perlu menghantar permohonan untuk mewujudkan Kod Prog/ Akt seperti dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2009. Walau bagaimanapun, jika profil kementerian/ jabatan memerlukan paras terendah (subaktiviti), kod Prog/ Akt berkenaan perlu diwujudkan melalui borang JAN/ MD 005A.

3. Sekiranya terdapat **perubahan kod** bagi PTJ/ PK dan Prog/Akt tahun kewangan 2008 yang akan digunakan bagi tahun kewangan 2009, ianya hendaklah disenarai dan dikemukakan melalui borang berikut:

- a. Borang JAN/ MD 018A – Borang Jadual Penukaran Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos
- b. Borang JAN/ MD 018B – Borang Jadual Penukaran Kod Program/ Aktiviti

Kod PTJ/ PK baru (tahun 2009) mesti **diwujudkan** terlebih dahulu sebelum Jadual Penukaran dapat diproses.

4. Jika ada perubahan dalam **Profil Kod Kementerian/ Jabatan**, pengemaskinian hendaklah dikemukakan melalui Borang JAN/ MD 009A – Borang Profil Kod Kementerian/ Jabatan.

5. Panduan untuk mengisi borang, senarai kod negeri/ daerah dan kod negara serta penjenisan mengikut sektor boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Akauntan Negara di alamat <http://www.anm.gov.my>.

6. Borang-borang yang telah dilengkapkan (satu salinan) hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **3 November 2008** ke alamat berikut:

Jabatan Akauntan Negara
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi
Seksyen Perakaunan Persekutuan
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2,
62100 PUTRAJAYA
(up: Pn Devantri Kaur)

7. Bagi kementerian/ jabatan yang tidak mempunyai sebarang pindaan ke atas kod perakaunan berkenaan, **pengesahan secara bertulis** hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **3 November 2008**.

8. Untuk pertanyaan lanjut, pihak tuan boleh menghubungi pegawai berikut:

- | | |
|--------------------------------------|--------------|
| a. En. Rozaimi b Idris | 03-8882 1495 |
| b. Cik Suriana binti Mamat | 03-8882 1639 |
| c. Pn Noor Azmy Shuhada binti Ahamad | 03-8882 1518 |

9. Di atas segala kerjasama dan tindakan sewajarnya adalah didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
‘Perakaunan Berintegriti Perkhidmatan Berkualiti’

Saya yang menurut perintah,



(Dato' Mohd Salleh bin Mahmud)
Akauntan Negara Malaysia

Salinan:

Setiausaha Bahagian Kewangan/ Ketua Akauntan
Jabatan Mengakaun Sendiri